

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. MOHAMAD**
 [LIPIS]
TARIKH : **8 APRIL 2014 (SELASA)**
SOALAN : **Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [**
 Lipis] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**
 ASAS TANI menyatakan prospek industri herba dan
 bentuk galakan serta insentif yang diberikan oleh
 Kementerian dalam menjadikan Malaysia sebagai
 hub herba di peringkat serantau dan antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Industri herba telah dikenal pasti sebagai satu industri yang berpotensi sebagai sumber pertumbuhan baru bagi memperluaskan asas pertumbuhan sektor pertanian. Prospek industri herba adalah menggalakkan berikutan usaha Kerajaan meletakkan industri herba sebagai salah satu program di bawah NKEA Pertanian iaitu Projek Keutamaan Permulaan (EPP) 1: Produk Herba Bernilai Tinggi bagi memperkasakan kualiti produk dan pemasaran untuk menembusi pasaran global serta menjana pendapatan negara sebanyak RM2.2 billion menjelang tahun 2020. Inisiatif bagi mempergiatkan promosi dan pemasaran produk berasaskan herba tempatan ke luar negara juga dilaksanakan. Arah aliran permintaan dunia bagi hasilan produk berasaskan bahan semula jadi (*natural products*) atau yang berasas herba (*herbs based*) telah menunjukkan tren yang meningkat sebagai perubatan komplementari dan alternatif bagi meningkatkan kualiti hidup dan pilihan pengguna membuat peralihan daripada perubatan moden.

Di peringkat hulu, aktiviti penanaman dalam negara telah meningkat dengan hasil jualan bahan mentah ladang kontrak melebihi RM2 juta di bawah *program herbal cluster* yang bermula pada tahun 2011. Jenis herba yang diberi keutamaan adalah Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Dukong Anak, Misai Kucing, Hempedu Bumi dan lima lagi herba yang berpotensi dalam NKEA iaitu roselle, mas cotek, mengkudu, pegaga, halia dan belalai gajah. Galakan dan insentif yang diberikan oleh Kerajaan merangkumi aktiviti-aktiviti di peringkat hulu serta hiliran seperti berikut:

Peringkat hulu

- i. Geran di bawah Program *Herbal Cluster* untuk usahawan tani bagi pelaksanaan pembangunan Kawasan Penanaman Herba Secara "Insitu" di kalangan usahawan herba/rempah ratus berasaskan kawasan kluster herba yang dikenal pasti bagi memenuhi keperluan dan permintaan semasa bahan mentah yang berkualiti dan konsisten khusus bagi syarikat peneraju dan industri herba.
- ii. Geran kepada ECERDC untuk pembangunan *Herbal Cultivation Park* di Chegar Perah, Lipis, dan Pasir Raja, Dungun, serta di Durian Mentangau juga bertujuan untuk memastikan keperluan bahan mentah yang mampan.
- iii. Geran untuk pembangunan monograf herba tempatan yang mendokumentasikan maklumat kualiti bahan mentah herba tempatan (*raw material*) merangkumi aspek-aspek taksonomi termasuk morfologi makro dan mikro, kajian kualiti, kandungan kimia (termasuk penanda kimia), nilai perubatan dan keselamatan pokok herba tersebut.
- iv. Geran untuk meningkatkan kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) herba. Pembiayaan geran R&D diberikan kepada institusi dan diselaraskan bagi mengelak pertindihan.

Peringkat hiliran

- v. Geran untuk kajian praklinikal dan klinikal kepada syarikat peneraju yang dilantik bagi meningkatkan kandungan saintifik ke atas produk serta untuk mematuhi keperluan piawaian antarabangsa.